

01 DEC 1997

Dewan-Usul (Selangor)

SELANGOR LULUS USUL SOKONG KEPIMPINAN MAHATHIR

SHAH ALAM, Dis 1 (Bernama) -- Persidangan Dewan Undang Negeri Selangor hari ini meluluskan usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengutuk tindakan segelintir anggota kongres Amerika Syarikat yang mahu mengemukakan usul supaya beliau memohon maaf atau meletak jawatan.

Kedua-dua usul itu diluluskan sebulat suara setelah semua tiga anggota DAP keluar meninggalkan dewan semasa pengundian.

Ketika membentangkan usul-usul itu, Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata dewan membuat ketetapan menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan anggota-anggota dewan berdiri teguh bersama-sama beliau dalam menangani masalah yang dihadapi negara sekarang.

Katanya, dewan juga memberi sepenuh kepercayaan kepada Perdana Menteri untuk terus memimpin Malaysia ke arah "Negara Maju, Bersatu, Merdeka lagi Berdaulat".

Mengenai draf usul anggota kongres AS itu, Abu Hassan berkata adalah tidak benar sama-sekali bahawa Dr. Mahathir anti-Yahudi sebagai dakwaan mereka kerana rekod pencapaian beliau menunjukkan beliau sentiasa menegakkan prinsip demokrasi dan masyarakat majmuk di negara ini.

Dr Mahathir sendiri juga telah berkali-kali menjelaskan bahawa kenyataannya telah disalahertikan dan beliau bukan anti-Yahudi.

"Dr. Mahathir adalah negarawan peringkat dunia yang dihormati oleh dunia yang berjuang ke arah menegakkan kebenaran dan menegakkan keadilan bukan sahaja di negara kita tetapi juga di peringkat dunia," katanya.

Wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional Negeri yang terdiri daripada Tan See Hang (BN-Rawang) yang mewakili MCA, K. Sivalingam (BN-Ijok) yang mewakili MIC dan Dr. Pius Martin (BN-Bukit Lanjan) yang mewakili Gerakan juga menyuarakan sokongan penuh terhadap kepimpinan dan kewibawaan Dr. Mahathir dan membantah tindakan Anggota Kongres Amerika Syarikat itu.

Anggota daripada DAP keluar daripada dewan persidangan selepas Teng Chang Khim (DAP-Bukit Gasing) gagal dalam desakannya agar dewan membincangkan secara berasingan kedua-dua usul itu. -- BERNAMA

KM NMO